

Headline **RM65, Viva Glam dan pesakit Aids**
Date **30 Dec 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Variasi**
Journalist **Nor Faizah Mohamed**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **V7**
Article Size **728 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **20,934**
PRValue **62,801**



RM65, Viva Glam dan pesakit Aids

*Usaha murni berjaya kumpul berjumlah
Mac Cosmetics derma RM1.4 juta*

Nor Faizah Mohamed

APA ada pada nilai RM65? Mungkin antara kita, jumlah itu hanya cukup untuk membeli sehelai blaus. Ada juga yang mengatakan jumlah itu hanya untuk perbelanjaan petrol serta tol kala pergi dan pulang dari pejabat.

Bagaimanapun, jumlah itu sebenarnya amat besar bagi menampung lapan hidangan berkhasiat untuk lapan individu yang dijangkiti HIV dan Aids di seluruh dunia.

Menerusi hasil jualan RM65 bagi sebatang gincu Viva Glam daripada jenama popular dunia, Mac Cosmetics, ia turut mampu membekalkan satu hidangan lengkap bagi kumpulan sokongan pesakit HIV dan Aids selama dua hari serta nilainya sama dengan pembelian lima pek snek makanan seperti susu, jus, buah-buahan, yogurt dan roti.

Pengurus Besar Jenama Mac Cosmetics Malaysia, Anna Chang, berkata jumlah itu mungkin kecil di kalangan masyarakat kita dan biasanya ia habis dibelanjakan dalam sehari.

"Bagi pesakit HIV dan Aids, RM65 itu berperanan besar bagi membolehkan mereka meneruskan rawatan dan menjalani kehidupan normal seperti manusia lain.

"Seorang wanita pastinya

memiliki sekurang-kurangnya sebatang gincu dan Mac menjadikan pembelian gincu mereka kali ini lebih bermakna.

"Ini kerana pembeli bukan saja berpeluang mendapatkan gincu Viva Glam edisi khas Lady Gaga dan Cyndi Lauper, malah menderma menerusi tabung dana Aids yang diwujudkan Mac sejak 1994," katanya.

Tambah Anna, sambutan Hari Aids Sedunia pada 1 Disember lalu dijadikan platform terbaik untuk Mac saling membantu meningkatkan kesedaran mengenai HIV dan Aids di kalangan masyarakat dunia.

"Di Mac, setiap hari adalah Hari Aids Sedunia. Justeru, kempen jualan gincu Viva Glam ini berlangsung sepanjang tahun dan setiap keuntungan yang diperoleh akan dimasukkan ke dana Aids Mac.

"Di Malaysia, hasil dana itu kemudiannya disalurkan kepada Majlis Aids Malaysia dan

Yayasan Aids Malaysia untuk membolehkan pesakit di negara ini memperoleh rawatan yang lebih baik," ujarnya.

Ketika sambutan Hari Aids Sedunia edisi Malaysia yang berlangsung di Kota Kinabalu, awal bulan ini, Anna menjelaskan Mac berjaya menjual 76,000 gincu Viva Glam dalam tempoh dua tahun jenama kosmetik itu

diperkenalkan di Sabah.

Sekumpulan jurusolek Mac daripada beberapa cawangan seluruh Malaysia menyemarakkan kempen kesedaran itu dengan demonstrasi solekan bibir menggunakan gincu Viva Glam Lady Gaga dan Cyndi Lauper di pusat beli belah 1Borneo.

"Secara keseluruhan, kami berjaya mengumpul hampir RM1.4 juta dalam tahun ini dan semua hasil itu diserahkan kepada dua organisasi terbabit bagi membantu pesakit HIV dan Aids di negara ini.

"Secara tidak langsung, kempen Viva Glam ini turut memberi kefahaman lebih mendalam kepada jurusolek Mac bahawa mereka juga melakukan keajikan kepada komuniti menerusi setiap gincu yang berjaya dijual," kata Anna.

Setiap tahun, Mac menampilkan beberapa selebriti berpengaruh menjadi wajah dan jurucakap Viva Glam antaranya Fergie daripada kumpulan Black Eyed Peas, Eve, Pamela Anderson, Dita Von Teese dan Lisa Marie Presley.

Lady Gaga dan Cyndi Lauper dipilih untuk kempen tahun ini berdasarkan gaya dan sisi persembahan berbeza setiap kali dua penyanyi ini tampil di khalayak.

Lady Gaga yang bakal muncul untuk kempen keduanya pada 2011 disifatkan mampu menarik pengguna berusia lingkungan

18 hingga 35 tahun dengan warna gincu terang manakala Cyndi mensasarkan wanita lebih berusia menerusi warna yang lebih sofistikated.

Viva Glam Gaga menampilkan kilauan rona merah jambu kebiruan di samping tanda tangan penyanyi lagu Alejandro itu pada botolnya.

Bagi yang gemarkan lebih kilauan, oleskan juga pengilat bibir daripada rangkaian Tinted Lipglass Viva Glam V dan VI.

Memetik kata-kata Lada Gaga dalam video kempen 2010, gincu ini mencerminkan kegilaannya pada fesyen zaman 80-an dan sesuai untuk semua wanita yang sukakan kelainan.

Gincu Viva Glam Cyndi pula bukan saja berupaya menyerlahkan personaliti wanita elegan, malah menyuntik elemen glamor pada bekasnya menerusi gabungan hitam dan merah serta diperindahkan dengan tanda tangannya.

Penyanyi yang popular dengan lagu True Colors dan Girls Just Want to Have Fun itu memilih warna berteraskan merah merjan terang lalu disudahi dengan Tinted Lipglass Viva Glam V atau VI.

Headline **RM65, Viva Glam dan pesakit Aids**
Date **30 Dec 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Variasi**
Journalist **Nor Faizah Mohamed**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **V7**
Article Size **728 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **20,934**
PRValue **62,801**



CUBA...barisan jurusolek Mac turut mengadakan demonstrasi solekan bibir menggunakan gincu Viva Glam Lady Gaga dan Cyndi Lauper.



ANNA...RM65 bagi sebatang gincu amat besar nilainya untuk pesakit HIV dan Aids.

Headline **RM65, Viva Glam dan pesakit Aids**
Date **30 Dec 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Variasi**
Journalist **Nor Faizah Mohamed**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **V7**
Article Size **728 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **20,934**
PRValue **62,801**



KEMPEN...jurusolek Mac saling membantu meningkatkan kesedaran HIV dan Aids di kalangan masyarakat di Kota Kinabalu.



VERSI 2010...gincu edisi khas Lady Gaga bagi kempen Viva Glam: From Our Lips ini menampilkan kilauan merah jambu yang menarik.